

**PIHAK BERKUASA ZON BEBAS
LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

**SYARAT DAN TERMA UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI
PERDAGANGAN/PERINDUSTRIAN (SEKSYEN 5, PERATURAN-
PERATURAN ZON BEBAS 1991)**

No. Rujukan :

Tarikh Kelulusan :

Tarikh Luput :

Nama Syarikat :

Jenis Aktiviti :

1. Operator dibenarkan untuk menjalankan aktiviti seperti yang dinyatakan di atas di tempat yang diluluskan dalam kawasan Zon Bebas, Pelabuhan Klang. Operator hanya dibenar untuk mengendalikan barang-barang sendiri dan pelanggan-pelanggan sahaja.
2. Operator adalah dikehendaki untuk menandakan ruang gudang/ruang simpanan barang dengan kemas dan teratur untuk menjamin keselamatan barangan.
3. Operator dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pegawai Pihak Berkuasa Zon Bebas nama dan alamat pelanggan-pelanggan yang menyimpan barangan di dalam gudang Zon Bebas yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas.
4. Sekiranya gudang/premis Zon Bebas digunakan untuk menyimpan produk petroleum atau yang berkaitan dengannya, operator adalah dikehendaki mematuhi kesemua peruntukan Ordinan Petroleum 1949, Petroleum (Safety Measures) Act 1984 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dibuat di bawahnya serta sebarang keperluan mendapatkan lesen/permit yang telah ditetapkan di bawah peraturan-peraturan tersebut.
5. Operator tidak boleh membawa keluar atau membenarkan membawa keluar barang-barang daripada gudang/premis Zon Bebas melainkan dalam keadaan yang cukup bagi suatu konsainmen daripada satu-satu lot dan dengan rekod dan dokumentasi yang lengkap dan betul.

6. Operator adalah dikehendaki untuk menyediakan tempat simpan berasingan bagi barang-barang import, eksport dan pindah kapal (transshipment) mengikut konsainmen dan tempat tersebut mestilah diberi tanda serta disusun dengan cara yang boleh menjamin keselamatan barangan tersebut.
7. Operator tidak dibenarkan mengimport, mengeksport atau memindah kapal sebarang barangan ke/dari dalam kawasan Zon Bebas, melainkan menurut peruntukan Akta Zon Bebas 1990, Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991, arahan-arahan yang dibuat dibawahnya dan lain-lain akta/peraturan berkaitan yang berkuatkuasa dan sebarang perubahan/pindaan dari masa ke semasa.
8. Operator adalah dikehendaki untuk mematuhi arahan dan pekeliling Pihak Berkuasa Zon Bebas dari masa ke semasa bagi mengawal aktiviti-aktiviti dan pergerakan barangan di dalam kawasan Zon Bebas, Pelabuhan Klang.
9. Operator adalah dikehendaki untuk menyimpan segala rekod-rekod stok dan lain-lain rekod sepertimana dikehendaki dan mengemukakan laporan rekod stok tersebut secara bulanan kepada Pihak Berkuasa Zon Bebas sebelum 10 haribulan setiap bulan untuk laporan bulan sebelumnya atau pada bila-bila masa yang dikehendaki.
10. Operator tidak dibenarkan melupuskan atau membawa keluar daripada gudang/premis simpanan barang Zon Bebas barangan yang tidak dituntut atau rosak yang berada di dalam simpanannya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas. Adalah disarankan agar operator menggunakan sistem inventori yang diuruskan oleh operator terminal atau mempunyai "linkage" kepada sistem operator terminal bagi memudahkan Pihak Berkuasa Zon Bebas memantau stok bulanan dan pengendalian barangan dan mengimplimentasikan "Gate Control System" (GCS) dengan operator terminal. Operator yang menggunakan sistem inventori secara manual juga dikehendaki untuk mengadakan sistem inventori secara elektronik dalam tempoh 6 bulan hingga 8 bulan atau menggunakan sistem yang diuruskan operator terminal.
11. Operator dikehendaki untuk menyediakan suatu penyata yang berasingan bagi barangan yang rosak atau tidak dituntut dalam simpanannya yang melebihi jangka waktu empat (4) bulan/120 hari dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Zon Bebas. Barangan yang tidak dituntut melebihi tempoh 4 bulan perlu ditempatkan di satu kawasan bagi memudahkan Pihak Berkuasa Zon Bebas mengambil alih untuk tujuan pelupusan. Operator adalah dipertanggungjawabkan penuh ke atas keselamatan

barangan dan jika berlaku kehilangan, duti yang boleh dikenakan akan dituntut dari pihak operator.

12. Operator juga dikehendaki untuk menyediakan suatu penyata yang berasingan bagi kenderaan yang telah berada dalam simpanannya melebihi tempoh simpanan 1 bulan/30 hari dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Zon Bebas.
13. Operator adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi keselamatan dan perakuan kesemua barang yang tersimpan di dalam gudangnya.
14. Operator dikehendaki memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Zon Bebas jika sekiranya berlaku sebarang perubahan atau pertukaran berkenaan maklumat syarikat seperti nama syarikat, alamat pejabat, Ahli Lembaga Pengarah dan sebagainya. Maklumat operator yang tidak dikemaskini menyebabkan Pihak Berkuasa Zon Bebas menarik balik kelulusan ini.
15. Operator adalah dikehendaki untuk mengambil segala langkah keselamatan bagi mencegah kebakaran dan kehilangan kecurian bagi gudang Zon Bebas di bawah kawalannya dan mematuhi segala akta, peraturan dan arahan keselamatan yang berkuatkuasa pada masa ini dan sebarang perubahan pada masa hadapan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas dan lain-lain agensi/badan berkaitan.
16. Kelulusan untuk menjalankan aktiviti ini diberikan secara tahunan dan akan luput dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kelulusan atau pada tarikh luputnya perjanjian sewaan gudang/tempat simpanan yang telah dimeterai di antara operator dengan operator terminal/operator prinsipal iaitu Northport (Malaysia) Bhd. (operator terminal Zon Bebas Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan/Southpoint) atau Northport Distripark Sdn. Bhd. atau Westports Malaysia Sdn. Bhd. (operator terminal Zon Bebas Pelabuhan Barat) atau Westports Distripark (M) Sdn. Bhd. atau Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. (Pengurusan Port Klang Free Zone, Pulau Indah) yang mana terdahulu.
17. Operator adalah dikehendaki untuk mengemukakan permohonan memperbaharui kelulusan untuk menjalankan operasi menggunakan Borang ZB4 dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Zon Bebas, Lembaga Pelabuhan Kelang tidak kurang satu (1) bulan dari tarikh luput kelulusan.
18. Operator tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perubahan kepada struktur luaran dan dalaman gudang/premis tanpa kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas.

19. Operator adalah diwajibkan untuk memberi kerjasama dan membenarkan Pihak Berkuasa Zon Bebas untuk memasuki premis pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan atau siasatan ke atas gudang/premis, barangan dan apa-apa dokumen pada bila-bila masa difikirkan perlu.
20. Operator dikehendaki mematuhi segala syarat dan peraturan yang dikenakan oleh operator terminal sebagai operator prinsipal iaitu Northport (Malaysia) Bhd. (operator terminal Zon Bebas Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan/Southpoint) atau Northport Distripark Sdn. Bhd. atau Westports Malaysia Sdn. Bhd. (operator terminal Zon Bebas Pelabuhan Barat) atau Westports Distripark (M) Sdn. Bhd. atau Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. (Pengurusan Port Klang Free Zone, Pulau Indah).
21. Operator perlu memastikan “freight forwarder” yang beroperasi di premis tuan perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas dan mempunyai no. pendaftaran BZ serta kelulusan ZB4 bagi setiap pengendalian barangan yang perlu diikrar melalui sistem pengikraran elektronik Zon Bebas. Sekiranya operator membenarkan “freight forwarder” yang tidak berdaftar beroperasi di gudang/premis operator maka tindakan iaitu kelulusan untuk beroperasi akan tarik balik. Di samping itu, adalah menjadi kewajipan operator gudang memastikan bahawa pihak “freight forwarder” tidak mengenakan sebarang caj yang tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas. Pihak operator akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika “freight forwarder” yang beroperasi di bawah premis tuan mengenakan caj yang tidak diluluskan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang. Adalah tanggungjawab operator untuk menasihati “freight forwarder” untuk menggunakan kadar yang diluluskan.
22. Operator dinasihatkan untuk mematuhi kadar tarif pengendalian dagangan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas kepada pelanggan-pelanggan operator. Operator tidak dibenar mengenakan sebarang caj tambahan selain yang telah diluluskan tanpa mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Zon Bebas. Sila rujuk kadar tarif LCL berlampir.
23. Pihak Berkuasa Zon Bebas berhak untuk meminda atau menambah atau mengenakan apa-apa syarat berkaitan dengan kelulusan untuk menjalankan aktiviti ini jika difikirkan perlu.
24. Kelulusan untuk menjalankan aktiviti ini boleh dibatalkan jika operator termasuk individu atau syarikat yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas melanggar mana-mana syarat yang disebut di atas atau didapati bersalah kerana pelanggaran Akta Zon Bebas 1990, Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991, Akta Kastam 1967 atau mana-mana akta, peraturan, arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa pada masa ini atau sebarang perubahan/pindaan pada masa akan datang.